

19/03/2000

Formula Tun Razak diteruskan

Kandau Sidi

SAYA curi (pelajar) dari sekolah rendah di luar bandar supaya mereka masuk ke sekolah menengah berasrama penuh dari semua negeri, supaya mendapat pelajaran dan pendidikan lebih sempurna."

Demikian kata-kata Allahyarham Tun Abdul Razak (ketika itu baru menjawat jawatan Menteri Pendidikan), ketika syarahan kepada penuntut Malaysia sempena lawatannya ke Universiti Malaya, Singapura, 9 Ogos 1955.

Sambil menyifatkan dirinya bernasib baik kerana berkesempatan mendengar syarahan itu, Tun Hamdan Sheikh Tahir, 79, berkata ketika itu, beliau guru Kolej Raffles dan sedang melanjutkan pelajaran di universiti itu dalam jurusan Ijazah Kepujian Sastera.

Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang itu, berkata dalam syarahan yang sama, Allahyarham menerangkan akan menubuhkan lebih banyak sekolah menengah penuh di Malaya (Malaysia), kerana Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang ditubuhkan pada 1905 dan Sekolah Menengah Perempuan di Damansara di Kuala Lumpur (1945) tidak cukup bagi mengeluarkan ramai pelajar Melayu bijak pandai.

Allahyarham menyatakan satu pusat akan ditubuhkan di Kota Bharu (Kelantan), Kuala Lipis (Pahang), Ipoh (Perak), Johor Bahru (Johor), Georgetown (Pulau Pinang) dan Kuala Lumpur (Selangor).

Pusat itu dipertanggungjawab mengambil pelajar yang mempunyai keputusan cemerlang dalam peperiksaan dari sekolah rendah di kawasan kampung supaya dipilih belajar di sekolah asrama penuh yang akan dibina di seluruh negara.

Dasar baru itu, menurut Tun Hamdan satu pendekatan bijak kerana kerajaan bakal memiliki sekolah menengah yang mempunyai tenaga pengajar terpilih dan terbaik dari luar negara seperti Kirby College dan Brinsford Lodge, United Kingdom.

Beliau yang diumumkan penerima Anugerah Kebangsaan Tun Razak dwitahunan kerana bakti berterusan dalam bidang pendidikan dan perkhidmatan awam negara selama lebih setengah abad berkata, sumbangan terbesar Tun Razak dalam pendidikan negara dapat dilihat menerusi Laporan Razak 1956 yang kemudian dijadikan Penyata atau Akta Razak.

"Bagi saya, Penyata Razak 1956 berperanan sebagai piagam pendidikan di Malaysia merujuk kepada kepentingan sejarah dan implikasinya, serta pengaruh sampingan terhadap perkembangan pendidikan negara.

"Semua akta selepas Razak, Rahman Talib, Dr Mahathir dan Akta Pendidikan baru 1996 diasaskan kepada cadangan dan perubahan yang dibuat Tun Razak, antaranya penekanan dan fokus untuk menggembelngkan tenaga dan sistem pendidikan kepada kepada satu matlamat besar iaitu perpaduan negara dan bangsa," katanya sejurus diumumkan penerima anugerah itu di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tun Hamdan yang dilahirkan di Jalan Kampung Jawa Baru, Pulau Pinang berkata ada tiga pendekatan yang digunakan Allahyarham ketika itu iaitu penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, sukatan pelajaran yang sama bagi semua pelajar dan mewujudkan satu peperiksaan yang sama bagi semua aliran persekolahan.

Di pihak lain, Tun Razak melindungi sekolah aliran Cina dan Tamil pada peringkat sekolah rendah termasuk membenarkan pengajian bahasa Cina dan Tamil serta bahasa lain digunakan di peringkat sekolah menengah.

Perkembangan ini dilihat sebagai satu tindakan bijak oleh Tun Hamdan dalam menangani pemasalahan lama bidang pendidikan, dan yang lebih penting

`formula' itu terus menjadi asas ikutan sehingga ke hari ini.

Tun Razak juga memberi banyak tumpuan kepada pengukuhan struktur dan bentuk persekolahan bertujuan memastikan pendidikan di negara ini betul-betul moden untuk kepentingan semua pihak.

"Sesungguhnya Penyata Razak carta dasar pendidikan Malaya moden yang paling penting ketika itu," katanya.

Mengimbas kembali sejarah bagaimana beliau dapat mengenali Allahyarham Tun Razak, Tun Hamdan berkata beliau mula mengenali Allahyarham ketika menuntut di Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar dari 1932 hingga 1939.

"Allahyarham masuk belajar di Kolej Melayu pada 1933 juga di bandar Diraja Kuala Kangsar. Saya saban berjumpa dengan beliau di padang permainan, bersukan dan di Masjid Risdwaniyah yang terletak berhampiran dua sekolah berkenaan.

"Saya tahu beliau pelajar yang rajin berusaha, berdisiplin dan mempunyai otak bergeliga, dan pernah ditempatkan dalam kelas pelajar terbaik sebagai Queen's Scholars dan dipilih sebagai Ketua Pelajar Kolej Melayu," katanya.

Tun Razak berusia setahun lebih tua daripadanya dan apabila berjaya memasuki Raffles College, Singapura pada 1939, Tun Hamdan mulai belajar di kolej yang sama pada 1940.

Di kolej itu, Tun Hamdan mengambil kursus untuk guru siswazah, manakala Tun Razak mengambil jurusan dalam bidang pentadbir dan pegawai pelatih kerajaan.

Walaupun kursus yang dipelajari berbeza, katanya, mereka sering bertemu ketika mengadakan kegiatan Persatuan Islam.

Bagaimanapun, katanya, pada penghujung 1941, Raffles College terpaksa ditutup berikutan berlaku serangan tentera Jepun, di Tanah Melayu yang berlarutan selama tiga tahun lapan bulan.

"Saya belajar semula di Raffles College pada 1946 untuk menamatkan pengajian tinggi di Singapura, dan Tun Razak berlepas ke United Kingdom pada 1947 sehinggalah beliau tamat dengan cemerlangnya dalam pengajian undang-undang di Lincoln's Inn of Court." jelas beliau.

Pelantikan Tun Hamdan sebagai Yang Di-Pertua Pulau Pinang pada 1 Mei 1989 adalah kemuncak pengiktirafan negara kepada kemampuannya sebagai pentadbir yang begitu berpengalaman. Pelantikan itu sekali gus turut melambangkan kewibawaannya sebagai seorang negarawan.

Sementara itu, Penerima Anugerah Antarabangsa Tun Razak, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, 68, yang kini bertugas sebagai Penasihat Sains Jabatan Perdana Menteri mengucapkan ribuan kasih kepada Yayasan Tun Razak di atas anugerah yang diberikan.

Beliau yang banyak menyumbang dalam perkembangan kemajuan sains dan teknologi negara menyifatkan Allahyarham Tun Razak sebagai Bapa Pembangunan Negara.

"Usaha gigih beliau dalam ertikata ini banyak tertumpu kepada sektor pertanian dan makanan. Ketika Allahyarham menerajui negara pelbagai institusi baru ditubuhkan khusus untuk pembangunan luar bandar dan sektor pertanian, makanan termasuk penubuhan Mardi dan UPM.

"Tidak hairanlah jika pertanian bertambah pesat sehingga menjadi pemangkin ekonomi negara. Zaman Allahyarham adalah zaman gemilang pertanian dan makanan di Malaysia," katanya.

Jika dilihat sepintas lalu, industri pertanian dan makanan tiada tempatnya dalam alaf baru iaitu alaf K-ekonomi (ekonomi berasaskan ilmu dan teknologi) yang kerap diperkatakan, sehingga mengetepikan sektor pertanian dan makanan.

Sebenarnya K-ekonomi, menurut Omar boleh ditafsirkan sebagai penggunaan ilmu dan teknologi secara lebih intensif meliputi semua sektor.

"Maka adalah wajib kepada negara bagi mencapai daya saing kukuh dalam

bidang tradisional seperti pertanian dan makanan, bukan terhad dalam bidang IT dan multimedia semata-mata.

"Malah, penggunaan IT sendiri dalam pertanian harus digembleng bersama. Sudah sampai masanya wawasan Allahyarham Tun Razak dalam pembangunan negara melalui pertanian diselaras dengan wawasan baru pembangunan negara melalui IT," katanya.

Beliau yang dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan, berkata sampai masanya juga sektor pertanian dan makanan dibawa semula ke dalam pembangunan ekonomi negara, dan pelaburan mencukupi harus disediakan bertujuan memperkukuhkan asas pertumbuhannya.

Dalam hal demikian, Omar berkata pendekatan rakan kongsi bijak perlu dipraktikkan dalam memajukan sektor itu.

Pada mana ini, beliau berpuas hati dengan kesungguhan kerajaan memajukan sektor pertanian negara.

"Tidak dapat dinafikan, amalan terbaik dalam pengurusan teknologi, sekurang-kurangnya sudah mula diterapkan Allahyarham Tun Razak, suatu ketika dulu," katanya.

Pada majlis yang sama Institut Teknologi Mara, sekarang ini dikenali sebagai Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) diiktiraf penerima Anugerah Pertubuhan Tun Abdul Razak sebagai menghargai sumbangan cemerlang membangun sumber tenaga manusia di negara ini.

Semua anugerah berkenaan disampaikan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak mewakli bondanya Tun Hajjah Rahah Tan Sri Mohd Noah.

(END)